

Program UMS bangkit kesedaran perancangan kewangan

Larissa Lumandan OE 9.2.2014

INANAM: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan satu program Tanggungjawab Sosial Komuniti untuk menjangkau masyarakat dan membangkitkan kesedaran tentang perancangan kewangan dalam kalangan ibu bapa di SK Poring-Poring di sini, Sabtu.

Bendaharinya, Haji Rizal Othman berkata program itu adalah salah satu matlamat jabatan untuk mengukuhkan hubungan dalam kalangan masyarakat selain menyebarkan fungsi dan peranan jabatan itu kepada awam.

"Sebelum ini, kami biasanya tinggal di pejabat tetapi sekarang melalui program transformasi yang diadakan oleh kerajaan kita, universiti mengambil keputusan untuk memainkan peranan dalam perkhidmatan masyarakat," katanya.

Beliau juga berkata jabatan mereka sebelum itu merancang untuk bekerjasama dengan bank-bank swasta.

"Kami merancang untuk mempelawa bank termasuk CIMB dan MBSM untuk membantu kami dalam program ini dan membangkitkan kesedaran tentang perancangan kewangan dalam kalangan rakyat," katanya.

"Rakyat khasnya penduduk dari pedalaman biasanya tidak faham peranan jabatan kami. Mereka lazim

berfikir mereka tidak akan dapat menghantar anak-anak mereka ke universiti tanpa wang, dengan itu, jabatan kami mengambil keputusan untuk mempromosi perancangan kewangan khasnya tabung simpanan pendidikan masa depan kepada semua keluarga," jelasnya.

Guru besar sekolah, Budhi Rahmad Haji Suparno juga berterima kasih kepada UMS kerana mengadakan program itu.

Katanya, sekolah itu juga memulakan program 'Tombului' dua minggu lepas, mengadakan lawatan ke rumah murid untuk mewujudkan hubungan antara masyarakat.

"'Tombului' diperolehi daripada perkataan Dusun yang bermakna pelawat. Penolong Kanan Hal-Ehwal Murid, guru kelas dan saya melawat murid-murid dari kelas peralihan, memeriksa latar belakang keluarga mereka dan membantu mereka dalam masalah mereka.

"Kami juga melancarkan kelas tuisyen pada Jumaat untuk murid Tahun Enam. Kami mempunyai tujuh calon yang akan menduduki peperiksaan UPSR mereka tahun ini. Tahun lepas, hanya terdapat tiga calon UPSR dan peratusan lulus adalah 33.3 peratus," katanya.

"Sebab peratusan kelulusan rendah ini adalah kesukaran murid menjawab kertas Bahasa Malaysia

bertulis kerana kebanyakan mereka bertutur bahasa Dusun dengan ibu bapa mereka di rumah," katanya.

Budhi juga berkata sekolah itu mempunyai 12 guru dan dua pegawai bantuan.

Menurutnya, sekolah itu memenangi anugerah Kualiti Kementerian Pendidikan pada 2000.

"Tahun itu, sekolah berada pada kemuncaknya. Sebelum ini, terdapat 200 murid di sini tetapi sekarang kami hanya ada 48 sahaja. Salah satu sebabnya adalah jalan sebelum ini yang menyebabkan ramai penduduk memindahkan anak-anak mereka ke sekolah lain," katanya.

Ketua Kampung, Widdy Madaun, 57, berkata penduduk akan mendapat banyak faedah melalui program itu selain dapat mengukuhkan hubungan.

Widdy yang mempunyai sembilan anak juga berharap lebih banyak program serupa dibuat pada masa hadapan untuk membantu kedua-dua sekolah itu dan ibu bapa.

Menurutnya, murid-murid perlu berjalan sejauh empat kilometer untuk sampai ke sekolah itu setiap hari biarpun hari hujan.

"Kami mempunyai murid dari kampung berdekatan, contohnya Kg Bambangan Baru, Kg Kolosunan Atas dan Kg Poring-Poring. Kebanyakan mereka termasuk prasekolah terpaksa berjalan kaki ke sekolah setiap hari," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan penduduk merupakan petani dan pemotong getah.

"Kebanyakannya masanya, kami perlu meminta rakan, jiran dan guru untuk mengawasi anak-anak kami apabila mereka berjalan pergi-balik dari sekolah setiap hari," katanya.

"Kami akan mengadakan tamu tersebut sekali dalam sepuluh hari dan orang kampung yang merancang ke tamu untuk menjual sayur-sayuran mereka akan bangun sekitar jam 4 pagi dan mereka perlu mengatur pengangkutan mereka sendiri," katanya sambil menerangkan bahawa yuran-yuran pekan daerah ialah RM5.



KAKITANGAN Jabatan Bendahari UMS semasa mereka membuat persembahan menyanyi.